

01/07/2000

Terengganu berhak dapat royalti: Mustafa

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Kerajaan Pas Terengganu tidak menganggap pemberian royalti petroleum sebanyak lima peratus sebagai satu kesilapan kerana ia terkandung dalam perjanjian yang ditandatangani Petronas dengan kerajaan negeri pada 1975.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri, Mustafa Ali, berkata Kerajaan Pusat perlu berpegang kepada perjanjian itu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak boleh menganggapnya sebagai satu kesilapan.

Menurut Dr Mahathir royalti itu diberi dulu kerana ketika itu Terengganu sebuah negeri miskin dan sekarang pun negeri ini masih miskin.

(END)